

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 MAC 2014 (JUMAAT)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|------------|---|---------------|
| 1. | ARSB bantu kesan MH370 menerusi penelitian imej satelit | BERNAMA |
| 2. | More rain expected next week | The Star |
| 3. | Perubahan iklim angkara manusia | Harian Metro |



ATSB Bantu Kesan MH370 Menerusi Penelitian Imej Satelit

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- **Astronautic Technology Sdn Bhd (ATSB)** sedang meneliti imej-imej yang diperolehi melalui cerapan satelit antarabangsa dalam usaha mengesan pesawat Malaysia Airlines MH370 yang hilang sejak 8 Mac lepas.

Ketua Pegawai Eksekutif ATSB Datuk Dr Ahmad Sabirin Arshad berkata sebagai agensi di bawah seliaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), ia diarahkan oleh kementerian untuk membantu misi pencarian pesawat itu menerusi imej satelit.

Katanya ATSB meneliti imej-imej satelit di sekitar Laut China Selatan dan Laut Andaman yang diperolehi daripada satelit Sepanyol, Korea Selatan, Nigeria, Kanada, Emiriah Arab Bersatu dan Perancis bagi mengesan pesawat itu.

Beliau berkata demikian kepada Bernama selepas ditemu bual dalam program "Ruang Bicara" BernamaTV yang dikendalikan Sherkawi Jirim malam ini.

Ahmad Sabirin berkata susulan pengesanan dua objek di selatan Lautan Hindi oleh pihak berkuasa Australia hari ini, yang mungkin boleh dikaitkan dengan pencarian MH370, ATSB kini menumpukan penelitian imej-imej di kawasan itu.

Ditanya mengenai keupayaan sesebuah satelit mencerap imej, beliau berkata satelit bergantung kepada sensor optik dan sensor radar.

"Sensor optik merakam imej pada waktu siang dan imejnya berwarna, tetapi boleh dihalang oleh awan.

"Sensor radar pula boleh digunakan pada waktu siang dan malam tanpa mengira keadaan cuaca kerana kuasanya lebih tinggi," katanya.

Ahmad Sabirin juga berpendapat peluang mencari sesuatu yang hilang adalah tinggi jika pelbagai aset angkasa, udara dan laut digabungkan dalam usaha itu.

Pesawat MH370 yang membawa 239 orang berlepas ke Beijing dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL pada 8 Mac lepas dan hilang sejak itu, yang kini masuk hari ke-13.

-- BERNAMA

More rain expected next week

Recent wet days bring respite for Malaysians suffering from haze and dry spell

PETALING JAYA: Recent rains have brought temporary relief from the haze and dry spell that Malaysians have been enduring for the past week.

However, Meteorological Department spokesman Dr Mohd Hisham Mohd Anip said the widespread rain was expected to reduce by today before picking up again by the middle of next week.

"After a few days of widespread rainfall over most of Peninsular Malaysia, the haze is unlikely to return again until June, unless there are forest and peatland fires.

"Plus, the wet season is just around the corner," he said yesterday.

Last Friday, Port Klang and Banting reported a hazardous level of Air Pollutant Index (API) with readings exceeding 300, forcing schools in Selangor to be closed.

In contrast, as at 2pm yesterday, the API readings in both these areas had dipped to moderate levels while the air in Malacca and Negri Sembilan, which had previously registered unhealthy readings, was recorded at good.

API readings of between 0 to 50 are categorised as good, moderate (51-100), unhealthy (101-200), very unhealthy (201-300) and hazardous (more than 301). The recent rainfall enjoyed by folks in Klang Valley and parts of Peninsular Malaysia was a combination of both rain and cloud-seeding efforts.

Cloud-seeding, which can induce rainfall within 15 minutes to half an hour after the exercise, resumed last Saturday after the National Security Council recalled a Hercules plane from the search of the missing MH370 plane. The operation was targeted at clouds over water catchment areas and places with severe haze.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (MINDA): MUKA SURAT 24
TARIKH: 21 MAC 2014 (JUMAAT)

Di Luar Garisan

Oleh Mohd Razlan Salleh



Perubahan iklim angkara manusia

Penghujung tahun lalu, negara dikejutkan dengan banjir besar yang melanda beberapa negeri di pantai timur Semenanjung sebelum cuaca panas 'mengambil alih' peranannya hingga menyebabkan beberapa negeri terpaksa melakukan catuan air.

Begitu juga halnya apabila situasi sama dialami penduduk di Sabah yang kini menghadapi cuaca panas terik tetapi masih dianggap bernasib baik kerana tiada catuan air atau berjerebu. Malah, hembusan angin Laut China Selatan dari Teluk Likas masih lagi segar dan nyaman.

Tidak hairanlah kawasan sepanjang pesisir laut ini semakin menjadi tumpuan ramai sama ada berjoging atau berbasikal di laluan khas dibina kerajaan negeri di sepanjang Kota Kinabalu atau sekadar duduk sambil menikmati pemandangan indah waktu senja.

Syabas penulis ucapkan kepada kerajaan negeri kerana membina kemudahan riadah lengkap dengan peralatan senaman untuk penduduk kota melepaskan lelah selepas seharian bekerja.

Tunggu beberapa tahun lagi, akan terbentang laluan joging dan trek berbasikal di sepanjang pantai bermula dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) sehingga ke Tanjung Aru sepanjang 25.3 kilometer.

Berbalik kepada dua fenomena alam yang berlaku sebelum dan ketika ini, kejadian banjir besar di Tenom dan Beaufort bulan lalu benar-benar mengejutkan ramai pihak.

Rata-rata penduduk di kedua-dua daerah itu mendakwa banjir berlaku adalah yang terburuk dalam tempoh 30 tahun hinggalah pekan Beaufort dipecahkan bot dan perahu penduduk dan pasukan penyelamat.

Apa yang sebenarnya berlaku? Semua ini bermula dengan penemuan 'salji' di puncak Gunung Kinabalu, suhu setempat bertukar dingin sehingga di bawah 20 darjah Celsius di beberapa daerah sebelum disusuli banjir besar dan kini, kemarau pula melanda.

Menurut Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (Sabah) Abdul Malek Tussin, fenomena ais di puncak Gunung Kinabalu akibat penurunan suhu sehingga mencapai paras beku adalah perkara biasa.

Difahamkan, hablur putih yang menyelimuti tumbuhan di Laban Rata itu bukanlah salji, sebaliknya embun yang membeku.

"Dakwaan salji turun mustahil kerana kedudukan gunung bu-

kan terletak di kawasan terdedah kepada salji, tambahan pula Sabah terletak berhampiran garisan Khatulistiwa.

"Perubahan iklim mendadak kemungkinan disebabkan angin sejuk dari hemisfera utara melanda negeri ini pada pertengahan Januari lalu iaitu kemuncaknya banjir besar di Tenom, Keningau dan Beaufort," katanya.

Abdul Malek berkata, orang ramai tidak perlu bimbang mengenai cuaca panas dialami ketika ini kerana pemantauan pihaknya mendapati tiada gelombang panas atau fenomena el-Nino.

"Memang direkodkan suhu agak tinggi tetapi ia masih berada pada tahap normal. Keadaan ini dijangka berlanjutan sehingga hujung bulan ini," katanya.

Dari sudut pemikiran pakar pula, Ketua Pusat Penyelidikan Sistem Perubahan Iklim Tropika (IKLIM) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Dr Fredolin Tangang menegaskan perubahan iklim disebabkan pemanasan dalam sistem iklim global.

"Kajian mendapati suhu global meningkat 0.85 darjah dalam tempoh seabad lalu dan dijangka terus meningkat dengan purata enam darjah Celsius dalam tempoh 100 tahun akan datang.

"Peningkatan suhu berbeza mengikut kawasan dan di hemisfera utara, suhu diramal meningkat sehingga 10 darjah Celsius dalam tempoh satu abad yang sudah pastinya mampu mencairkan ais di Artik," katanya.

Beliau berkata, kesannya akan dirasakan di seluruh dunia, termasuk Malaysia sama ada dalam bentuk banjir, kemarau, cuaca sejuk, ribut taufan atau kawasan rendah akan tenggelam akibat kenaikan aras laut.

Jelasnya, punca kerosakan alam ini disebabkan peningkatan karbon dioksida dan gas rumah hijau yang dikaitkan dengan penipisan lapisan ozon.

Jadi, siapa pula yang perlu bertanggungjawab? Laporan Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim (IPCC), sebuah badan penilai antarabangsa di bawah Program Alam Sekitar Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP) dan Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO) mengesahkan China dan Amerika Syarikat saja menyumbang kira-kira 40 peratus pelepasan gas rumah hijau global.

Jika berterusan, ramalan suhu bumi meningkat enam darjah Celsius dalam tempoh seabad lagi bakal menjadi kenyataan.

Penulis Ketua Biro
Harian Metro Sabah